

**Umat Islam Digesa Pelopori Penemuan Dan Teknologi Terbaru
Bernama
12 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 12 Julai (Bernama) -- Umat Islam di negara ini digesa untuk mempelopori penemuan dan teknologi terbaru melalui sumber alam semulajadi tempatan, kata Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata umat Islam di negara ini tidak sepatutnya mengetepikan kekayaan sumber asli negara agar ia boleh digunakan dalam mencipta teknologi dan penemuan saintifik terbaru untuk manfaat manusia sejagat.

"Kita perlu jadi bangsa yang mendahului bangsa lain kerana kita mempunyai aset yakni kekayaan sumber asli tetapi kita acap kali tidak manfaatkannya.

"Saintis negara luar datang ke negara ini dan lakukan penyelidikan di hutan kita kemudian mereka pulang ke negara mereka untuk mengembangkan penemuan hasil sumber asli yang negara kita miliki," kata bekas perdana menteri ketika berucap pada perasmian Forum 'Memahami Islam Membina Peradaban' dan pelancaran Internet TV IKIM di sini, Khamis.

Rancangan Internet TV IKIM akan memperkenalkan empat saluran utama iaitu IKIMfm, Perspektif, Siaran Langsung dan Saluran Eksklusif.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=679936>